

Media Title : Kosmo
Headline : Pesara panik, serah kad bank, kata laluan kepada scammer
Date : 8 August 2024
Section : Negara!
Page : 17



Pesara panik, serah kad bank, kata laluan kepada scammer

KLUANG – Kerana panik, seorang pesara kerajaan menyerahkan kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) dan kata laluan selepas diperdaya sindiket penipuan sehingga menyebabkan kerugian berjumlah RM140,000.

Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Bahrin Mohd. Noh berkata, kejadian berlaku selepas mangsa berusia 74 tahun itu menerima panggilan daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai polis pada 24 Jun lalu.

Suspek memaklumkan mangsa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram dan diminta untuk membuat bayaran sebanyak RM2,000 untuk menyelesaikan kes tersebut.

"Mangsa yang tidak mengetahui cara untuk membuat bayaran itu kemudian diarahkan untuk menyerahkan kad bank berserta kata laluan.

"Suspek kemudian mengarahkan mangsa membungkus kad bank dan kata laluan sebelum

meninggalkannya di taman permainan kanak-kanak berdekatan rumah warga emas itu," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Bahrin, mangsa kemudian menerima panggilan daripada nombor telefon sama pada 1 Julai lalu dan diarahkan supaya memasukkan wang sebanyak RM180,000 ke dalam akaun bank miliknya.

Warga emas itu turut diugut akan ditangkap sekiranya tidak menuruti arahan itu. Mangsa yang takut dikenakan tindakan kemudian memasukkan wang sebanyak RM140,000 ke dalam akaun miliknya.

"Beberapa hari kemudian, warga emas itu membuat semakan dan mendapati berlakunya pengeluaran tunai melalui mesin ATM daripada akaun bank miliknya berjumlah RM140,000," katanya.

Ekoran kehilangan wang itu, mangsa membuat laporan dan siasatan dibuka mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



MANGSA mengalami kerugian sebanyak RM140,000 selepas menyerahkan kad ATM dan kata laluan kepada scammer.